

Sultan Brunei, Dr Mahathir adakan pertemuan sulung

BH - 5/3/2019 m/s: 3

[FOTO BERNAMA]

Putrajaya: Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah dan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, akan mengadakan pertemuan sulung, di bawah rangka kerja Perundingan Tahunan Pemimpin Malaysia-Brunei di sini, hari ini.

Wisma Putra memaklumkan perundingan itu adalah platform tertinggi untuk membincangkan pelbagai isu dua hala, serantau dan antarabangsa membabitkan kepentingan bersama.

Perundingan ini adalah bagi siri ke-22. Perundingan siri ke-21 diadakan di Bandar Seri Begawan pada 23 November 2017.

Katanya, kedua-dua pemimpin sudah bertukar-tukar lawatan pada Mei dan September tahun lalu, susulan pelantikan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh.

“Bertitik tolak daripada hubu-

ngan istimewa yang sekian lama terjalin melalui persamaan warisan dan budaya, Malaysia dan Brunei berada pada landasan yang tepat bagi membina usaha sama dan perkongsian lebih menyeluruh.

Teroka potensi baharu

“Dr Mahathir dan Sultan Hassanal Bolkiah akan mengambil peluang semasa lawatan penting dan mesyuarat tahunan ini untuk menilai kemajuan kerjasama yang sedang berjalan, selain meneroka potensi baharu bagi meningkatkan hubungan serta kerjasama yang boleh memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan meraikan Sultan Hassanal Bolkiah, dalam satu Majlis Santapan Tengah Hari.

Sementara itu, Sultan Hassanal Bolkiah berangkat tiba di Pangka-

lan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang, bagi lawatan dua hari bermula semalam.

Baginda yang diiringi menteri dan pegawai kerajaan dengan delegasi seramai 19 orang, tiba jam 6.05 petang dan disambut Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah.

Sejurus pesawat khas baginda mendarat, baginda yang mengendalikan sendiri pesawat itu memeriksa perbarisan kehormat yang dianggotai dua pegawai dan 24 anggota Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja.

Malaysia adalah pelabur utama di Brunei dari rantau ASEAN, dengan pelaburan langsung asing (FDI) berjumlah AS\$486.74 juta pada 2017 atau hampir 90.9 peratus keseluruhan FDI berjumlah AS\$535.27 juta dari negara anggota ASEAN yang lain ke Brunei.



Sultan Brunei tiba di Pangkalan Udara TUDM Subang, semalam.